

(14 Januari 2022) Berita Harian, p. 8

Ambil semula tanah babit pelbagai implikasi

Pengambilan kawasan kolam takungan air pihak ketiga perlu diperhalusi

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sebarang cadangan menggunakan Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi mengambil semula mana-mana kawasan kolam takungan air yang diluluskan kepada pihak ketiga perlu diperhalusi secara menyeluruh.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah, berkata langkah mengambil semula tanah terbabit bukan satu perkara mudah kerana ia membabitkan pelbagai implikasi.

“Kita tidak boleh cakap sembarangan, kalau sudah ada pembinaan dan undang-undang kata boleh ambil semula, maka ada kos sampingan lain, siapa nak bayar?”

“Saya bercakap mengenai andaian, maka itu implikasi perlu dinilai sepenuhnya sebelum menerima nilai sebenar untuk pengambilan semula, pampasan dan sebagainya. Saya lihat ini sebagai satu bebanan, siapa nak bayar,” katanya kepada BH.

Pensyarah Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof Dr Ainul Jaria Maidin, dilaporkan menca-
dangkan kerajaan boleh menggunakan Akta Pengambilan Ta-



Pemeliharaan kolam takungan air mampu tangani limpahan akibat hujan lebat.

(Foto Aswadi Alias/BH)

nah 1960 bagi mengambil semula mana-mana kawasan kolam takungan air yang diluluskan kepada pihak ketiga untuk pembangunan.

Katanya, kaedah lain boleh digunakan untuk ‘menyelamatkan’ semula tanah terbabit dengan membuat pembatalan atau pengubahsuaian kepada Kebenaran Membangun (DO) yang diberikan kepada pemaju.

Mengulas lanjut, Mahadi berkata, cadangan dikemukakan itu



‘Boleh ambil semula tanah dengan bayar pampasan’

Keratan akhbar BH semalam.

perlu dilihat secara realiti, bukan sekadar mengeluarkan kenyataan tanpa melihat kepada kesan

kepada tindakan serta cadangan terbabit.

Jelasnya, analisis secara benar perlu dilaksanakan secara menyeluruh dengan mengambil kira semua implikasi bakal dihadapi jika cadangan itu dilaksanakan.

“Saya yakin kerajaan sebagai satu institusi, semua perkara membabitkan implikasi sudah dilaksanakan sepenuhnya berdasarkan pengalaman saya dalam kerajaan,” katanya.